

19 JAN 2004  
Fong-Kursus  
KURSUS INDUKSI UNTUK KETAHUI LATAR BELAKANG PEKERJA

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan mempertimbangkan cadangan mewajibkan kursus induksi pekerja tempatan bagi memastikan majikan mengetahui latar belakang pekerja mereka secara tidak langsung.

Menteri berkenaan Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, kursus induksi itu penting bagi memastikan pekerja memahami pekerjaan mereka serta keperluan untuk majikan mengetahui latar belakang pekerjanya.

Sebelum ini, kursus induksi hanya diwajibkan kepada pekerja asing sebelum memulakan perkhidmatan mereka.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila diminta mengulas mengenai kes rogol, liwat dan bunuh Nurul Huda Ghani, 10, oleh tiga lelaki di pondok kawalan pencawang elektrik Tenaga Nasional di Tanjung Kupang, Gelang Patah, Johor Sabtu lepas.

"Untuk pekerja tempatan pula, kita akan hubungi pihak majikan supaya kursus ini dapat dijadikan rutin dalam pengambilan pekerja," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mengenai Majlis Jamuan Penghargaan MCA kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di sini.

Fong yang juga naib presiden MCA berkata partinya merasa amat dukacita mengenai kejadian itu yang menunjukkan masih ada individu dan orang tertentu yang tidak mengambil kira kepentingan orang lain tetapi mementingkan nafsu semata-mata.

Katanya MCA akan terus mengadakan kempen kesedaran dalam menangani masalah seumpama ini untuk memastikan kejadian itu tidak berulang dan mengelakkan tanggapan negatif pihak luar.

Beliau berkata pihaknya sentiasa mementingkan perkara yang berkaitan dengan undang-undang yang berkait rapat dengan sensitiviti penduduk tempatan dan perkara yang boleh menjejaskan keharmonian negara.

"MCA akan terus berkempen dalam konteks ini kerana kita khuatir sekiranya masalah ini tidak ditangani ... kemungkinan besar orang asing akan salah faham tentang struktur negara kita," kata Fong.

Mengenai Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Fong menyangkal dakwaan kongres itu kononnya kementeriannya menolak semua cadangannya berhubung isu pekerja apabila beliau diminta mengulas berhubung isu memorandum 10 perkara yang dikemukakan MTUC kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Apabila kementerian menerima cadangan, kita perlu kaji kesannya terhadap pihak majikan tetapi jika mereka (MTUC) menyangka kita akan terus terima memorandum tersebut, ini tidak boleh," kata beliau.

Antara isu yang dibangkitkan ialah rasa kecewa MTUC terhadap Kementerian Sumber Manusia berkenaan dengan masalah pekerja.

-- BERNAMA  
NBB IZI AHH BK